

30/01/2001

Kumpulan G11 gesa tarik balik sekatan terhadap Iraq

PUTRAJAYA, Isnin - Kumpulan sebelas (G11) wanita yang diketuai isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang melawat Iraq, Mac tahun lalu, hari ini menggesa kerajaan meneruskan desakan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya menarik balik sekatan yang dikenakan terhadap negara itu.

Gesaan itu terkandung dalam laporan lawatan berkenaan yang disampaikan Dr Siti Hasmah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita, Dr Siti Hasmah berkata gesaan itu dibuat atas nama kemanusiaan dan bukannya bermatlamatkan politik.

"Kita tidak boleh berdiam diri sahaja. Kita perlu meluaskan kesedaran mengenai kesan sekatan itu ke negara lain khasnya kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) supaya mereka akan bersama dengan kita untuk menggesa penarikan semula sekatan itu," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri sendiri telah bersetuju untuk membawa laporan itu kepada mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan dan memutuskan bentuk tindakan susulan yang boleh diambil.

"Semasa perbincangan, Dr Mahathir turut menasihatkan kami supaya mengatur strategi agar lawatan pertama itu tidak terus menjadi lawatan yang terakhir.

"Malah, kami juga dinasihatkan supaya berhubung dengan kumpulan atau pertubuhan dari negara-negara lain seperti Thailand dan Vietnam yang telah mengadakan lawatan serupa ke Iraq supaya dapat bertukar-tukar pengetahuan," katanya.

Dr Siti Hasmah berkata antara yang terkandung di dalam laporan itu ialah segala bukti dan gambar-gambar yang menunjukkan penderitaan yang terpaksa ditanggung rakyat Iraq akibat sekatan yang dikenakan PBB.

"Ia adalah bukti yang telah kami lihat sendiri selepas melawat hospital, sekolah dan perhubungan kami dengan pelbagai agensi antarabangsa yang ada di Baghdad," katanya.

(END)